

22 SEP 2000

Pendatang

KDN AKAN TAPIS PENDATANG DARI FILIPINA

BALIK PULAU, 22 Sept (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan melakukan penapisan secara terperinci terhadap semua pendatang tanpa izin di Sabah terutamanya dari Filipina bagi memastikan mereka tidak mengambil kesempatan dengan mengaku diri mereka sebagai pelarian perang untuk mencari tempat perlindungan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zain berkata, walaupun kerja penapisan itu berat, kerajaan akan membuat rujukan kepada kerajaan Filipina termasuk menyemak rekod peribadi bagi membezakan antara pelarian perang dan yang hanya mengambil kesempatan.

"Bukan semua rakyat Filipina boleh dianggap pelarian perang, ada juga yang akan mengambil kesempatan terhadap serangan besar-besaran tentera Filipina terhadap kumpulan pemisah di pulau Jolo.

"Jadi rujukan dengan kerajaan Filipina dan penapisan yang terperinci akan dilakukan oleh kementerian," katanya kepada pemberita selepas melawat ibu pejabat Polis Daerah Barat Daya di sini hari ini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menyatakan di Kuala Lumpur bahawa mana-mana rakyat Filipina melarikan diri ke negara ini ekoran serangan tentera negara itu terhadap kumpulan pemisah di Pulau Jolo, akan dilayan sebagai pelarian perang.

Sebelum itu, Zainal berkata, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan menyelaras dan mempertingkatkan kemudahan sosial anggota polis dan keluarga mereka.

Katanya, kemudahan tempat tinggal kepada anggota polis akan cuba disediakan pada tahap 90 peratus manakala tumpuan terhadap soal kemudahan dan kebajikan sosial keluarga polis akan turut diberi perhatian yang serius.

Sebanyak 70 peratus tempat tinggal daripada 90 peratus itu sudah hampir siap tetapi kementerian menghadapi masalah seperti kegagalan kontraktor untuk menyiapkan projek perumahan anggota polis dalam masa yang ditetapkan, katanya.

Beliau berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Menteri Dalam Negeri telah mengarahkan agar keselamatan anggota dan keluarga polis diberi tumpuan yang lebih bagi memastikan anggota yang menjalankan tugas dapat menambah tenaga dan kerja mereka dengan selesai.

Beliau berkata oleh itu beberapa persediaan dalam mempertingkatkan kemudahan sosial anggota polis telah disediakan oleh kementerian itu dan akan dipercepatkan demi kepentingan semua pihak.

Mengenai lawatannya ke Balik Pulau, Zainal berkata sebuah ibu pejabat polis daerah baru yang lengkap dengan kemudahan tempat tinggal kepada 160 anggotanya, bernilai RM30.2 juta akan mula beroperasi tahun depan.

-- BERNAMA

NER NMO